

Peningkatan Produktiviti melalui Modal Insan

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pembangunan modal insan adalah penting untuk meningkatkan produktiviti sesuatu ekonomi. Manakala, pertumbuhan produktiviti pula merupakan sumber pertumbuhan ekonomi yang penting terutama untuk negara maju. Justeru, jika Malaysia mengejar status sebagai negara maju menjelang 2020, pertumbuhan produktiviti adalah amat penting. Pelaburan tidak mampu ditingkatkan tanpa pertumbuhan modal insan yang setimpal.

Modal insan merupakan satu konsep yang mengangap tenaga buruh atau pekerja memiliki kualiti yang berbeza. Secara ringkas faktor pengeluaran di dalam teori pengeluaran terdiri dari buruh dan modal. Buruh sudah pasti adalah pekerja, manakala modal dirujuk kepada modal fizikal seperti mesin dan seumpamanya. Di dalam konteks modal insan, buruh terbahagi kepada dua komponen, iaitu tenaga dan modal, di mana bahagian modal di dalam buruh disumbangkan oleh kualiti buruh tersebut. Secara ringkasnya, kualiti buruh disumbangkan oleh kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki oleh seseorang pekerja. Pekerja yang berkualiti berupaya meningkatkan tahap pengeluaran berbanding dengan pekerja yang kurang berkualiti. Inilah yang dimaksudkan dengan peningkatan produktiviti.

Pertumbuhan modal insan mampu dicapai melalui peningkatan pengetahuan dan kepakaran pekerja. Ianya dicapai melalui proses pendidikan dan latihan, secara formal atau tidak formal. Secara umumnya terdapat dua cabaran berkaitan dengan proses ini. Pertama, mendapatkan seramai mungkin rakyat jelata berpendidikan tinggi secara formal. Kedua, isi kandungan pendidikan dan latihan yang berkualiti diterapkan kepada rakyat. Untuk mengejar status negara maju kedua-dua cabaran ini perlu ditangani dengan efektif.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Perlu diingat bahawa mencapai status negara maju bukan merupakan suatu pilihan kepada negara untuk kebanggaan semata, sebaliknya ianya merupakan satu kemestian yang lumrah. Ianya melambangkan kematangan ekonomi yang dijelmakan ke dalam kesejahteraan kehidupan rakyat jelata. Mana mungkin sebuah ekonomi yang matang terdiri dari masyarakat yang miskin.

Jika diandaikan pekerja berpendidikan formal di peringkat pengajian tinggi sebagai pekerja mahir, ianya cuma mewakili 26.7 peratus dari tenaga kerja negara pada tahun 2014. Walaupun peratusan pekerja mahir mengikut definisi ini menunjukkan peningkatan dari tahun ke setahun, namun ianya masih rendah. Maka cabaran utama negara adalah untuk meningkatkan jumlah pekerja mahir yang mempunyai kelulusan di peringkat pengajian tinggi, termasuk kelulusan dari peringkat vokasional.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) memfokuskan kepada empat perkara utama untuk pembangunan modal insan terdiri dari (1) meningkatkan kecekapan pasaran buruh, (2) meningkatkan kualiti pendidikan, (3) mentransformasikan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bersesuaian dengan permintaan dari industri, dan (4) memperkasa pendidikan sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran. Untuk melaksanakan dasar ini, sudah pasti pembangunan institusi yang bersesuaian dilaksanakan oleh kerajaan. Namun untuk pencapaian matlamat ini secara maksimum turut memerlukan pengubahsuaian terhadap sesetengah kebiasaan atau norma oleh masyarakat keseluruhan. Tanpa penglibatan masyarakat, tahap pencapaian pembangunan modal insan yang diharapkan mungkin terhad, atau memakan masa yang lebih lama.

Pasaran buruh kini adalah kurang efisien dengan kehadiran buruh asing kurang mahir yang ramai. Apatah lagi dengan kehadiran buruh asing tanpa izin. Sifat penawaran buruh asing adalah berbeza berbanding buruh tempatan. Penawaran buruh asing adalah kurang anjal atau elastik berbanding dengan buruh tempatan. Keadaan ini memberi tekanan menurun terhadap kadar upah. Majikan mempunyai motivasi untuk berterusan mengutamakan buruh asing untuk mengurangkan kos. Ini bermakna peningkatan produktiviti pengeluaran negara akan berterusan pada kadar yang rendah. Keadaan ini seterusnya menyebabkan kadar upah meningkat dengan perlahan. Inilah

faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat jelata pada masa kini.

Pendekatan yang ketara untuk mengatasi masalah ini adalah melalui pengurangan buruh asing terutama yang kurang mahir. Pengubahsuaian dari kedua-dua sudut, penawaran dan permintaan untuk buruh adalah penting untuk menangani isu ini secara efektif. Majikan perlu mengutamakan pekerja tempatan. Manakala pekerja tempatan perlu meningkatkan kemahiran mereka. Maka transformasi sosial perlu wujud. Industri perlu menyerap pekerja berkemahiran tinggi sudah tentu dengan penggunaan teknologi yang lebih tinggi.

Dari sudut penawaran pula, transformasi perlu berlaku kepada keseluruhan masyarakat. Pertama sekali menerima kelulusan TVET sebagai setara dengan kelulusan akademik konvensional. Pendidikan TVET menjadi pilihan terancang oleh pelajar bukan sebagai pilihan terakhir kerana keciciran disebabkan oleh keputusan peperiksaan yang lemah. Dari perspektif penawaran, motivasi utama menggalakkan transformasi ini adalah kadar upah. Pekerja yang berkemahiran atau separa mahir mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk menceburkan diri di dalam pekerjaan yang lebih 'kotor dan bahaya'. Dasar kerajaan yang berkaitan adalah dengan melaksanakan dasar gaji minimum. Walaupun, masih dianggap rendah namun memadai di peringkat permulaan. Seharusnya gaji minimum ini akan meningkat di kemudian hari mengikut kuasa pasaran.

Dari sudut permintaan pula, motivasi menggalakkan transformasi ini adalah terletak di atas faktor produktiviti. Industri akan sanggup membayar upah yang lebih kepada pekerja yang lebih produktif. Pengeluaran industri akan meningkat, yang seterusnya menggalakkan industri untuk melabur di dalam teknologi yang lebih baik. Pengeluaran akan terus meningkat melalui gabungan teknologi tinggi dan pekerja mahir. Sudah pasti kadar upah akan turut meningkat. Begitulah seterusnya interaksi di dalam pasaran buruh yang efisien yang akan memberi manfaat kepada semua pihak serta keseluruhan ekonomi.

Perlu juga diingat bahawa transformasi kepada pengurangan buruh asing sambil meningkatkan kemahiran buruh tempatan bukan sahaja untuk menangani situasi

semasa yang menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang perlahan. Ianya suatu transformasi yang lambat laun perlu dilakukan bukan sebagai pilihan untuk meningkatkan produktiviti. Akan tiba masanya di mana pembangunan ekonomi negara-negara yang menawarkan buruh kepada Malaysia akan bertambah pesat. Di dalam situasi tersebut, tiada keperluan tenaga kerja dari negara-negara tersebut untuk bekerja di Malaysia. Malahan negara-negara tersebut turut dihidangkan oleh tenaga kerja terlatih yang secara tidak langsung telah mendapat latihan sambil kerja di Malaysia.

Oleh yang demikian, semua pihak perlu sepakat menerima hakikat bahawa ekonomi negara perlu melalui perubahan struktur. Pergantungan kepada buruh asing yang dialami pada masa kini adalah bersifat sementara. Adalah lebih baik isu ini ditangani sebelum ianya selesai dengan sendirinya melalui kuasa permintaan dan penawaran. Penyelesaian terancang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang positif. Manakala, penyelesaian secara natural melalui kuasa pasaran, yang lambat laun akan berlaku, mempunyai implikasi kos yang mahal kepada ekonomi negara.

Selari dengan pergantungan kepada buruh asing di dalam sektor industri, sedia maklum bahawa sektor isi rumah juga bergantung kepada pekerja asing sebagai pembantu rumah. Isu ini juga tidak kurang pentingnya ditangani secara jangka panjang kerana isu ini turut mempengaruhi produktiviti ekonomi. Kaedah penyelesaian jangka pendek yang diamalkan sekarang adalah kurang berkesan. Penyelesaian jangka panjang yang perlu dirancang adalah dengan mengambil langkah drastik dengan pergantungan kepada pembantu rumah asing sifar. Ini bermakna masyarakat perlu melalui proses transformasi kepada kehidupan tanpa pembantu rumah. Tradisi pembantu rumah yang kita lalui sekarang adalah bersifat sementara. Akan tiba masanya, tiada negara yang akan menawarkan pembantu rumah kecuali dengan harga yang mahal mengikut harga pasaran buruh. Malahan, Indonesia telah pun merancang untuk menarik balik kebenaran warganya bekerja sebagai pembantu rumah di luar negara.